

Penunggang motosikal maut dihempap pokok

Oleh MUHAMMAD HARRITH NOOR HISHAM | 9 September 2022, 9:37 pm



Keadaan penunggang motosikal yang maut dihempap pokok di Kilometer 67.4 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) 1 di Bentong hari ini.

BENTONG – Seorang lelaki maut selepas dihempap pokok ketika sedang menunggang motosikal di Kilometer 67.4 Lebuhraya Pantai Timur (LPT) 1 di sini hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7.17 malam itu, mangsa Muhammad Mustaqim Noor Azhar, 21, yang menunggang motosikal jenis Yamaha Y15 ke arah Temerloh dihempap pokok yang tumbang.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani berkata, bomba yang bergegas ke lokasi kejadian mendapati terdapat seorang lelaki berada di bawah timbunan pokok.

“Bomba membuat operasi mengeluarkan mangsa yang tersepit menggunakan gergaji rantai sebelum disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan di lokasi.

“Mayat mangsa kemudianya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut,” katanya di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE